

Penghakiman telus bukti sistem keadilan berwibawa

Sultan Nazrin titah hakim perlu bebas daripada tekanan, pengaruh

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah menghakiman yang telus menggambarkan sistem keadilan yang berwibawa dan tidak dibayangi dengan perasaan gusar dan gentar pada sesiapa.

Baginda bertitah dalam sistem keadilan, hakim adalah watak penting dan mempunyai peranan besar serta menjadi simbol dalam memastikan kredibiliti dan kewibawaan institusi kehakiman.

"Seseorang hakim perlu menghindari sebarang bentuk keraguan selain perlu bebas daripada pengaruh mahupun tekanan agar menjadi simbol dalam memastikan kredibiliti dan kewibawaan institusi kehakiman terjaga," titah Sultan Nazrin pada Majlis Pelancaran Jurnal Syariah Perak Al-Qanun Vol. 1 2022, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan Ketua Hakim Syarieh Jabatan Kehakiman Syariah negeri Perak, Ab Rahman Thobroni Mohd Mansor.

Titah baginda, penulisan alasan penghakiman menjadi medium pe-



Sultan Nazrin pada Majlis Pelancaran Jurnal Syariah Perak Al-Qanun Vol. 1 2022, semalam.
(Foto BERNAMA)

nilian untuk menentukan tahap kompetensi dan kecekapan seseorang hakim kerana alasan penghakiman yang berkualiti dapat menzhahirkan kemahiran hakim terbabit dalam menilai sesuatu isu dengan mengaplikasikan kepelbagaiannya prinsip undang-undang dan hukum syarak yang tepat sehingga keadilan dapat diberikan kepada yang berhak.

"Penulisan alasan penghakiman yang bernes dan berkualiti akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pengamal undang-undang. Sandaran dan justifikasi yang kukuh terhadap sesuatu isu dan penilaian serta penggunaan hukum dan prinsip undang-undang yang tepat akan menjamin kredibiliti hakim dan mengangkat sistem keadilan itu sendiri," titah baginda.

Alasan penghakiman juga menjadi pertimbangan kepada mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan yang diumumkan, bagi menilai kembali sama ada ingin meneruskan niat me-

reka untuk merayu atau sebaliknya.

Perayu berhak berhujah

Sekiranya asas dan sandaran penghakiman itu lemah, perayu berhak untuk berhujah bahawa hakim terkhilaf dalam penghakimannya dan memohon untuk kesnya dinilai semula di mahkamah yang lebih tinggi.

Peluang rayuan adalah hak yang dijamin oleh undang-undang, menjadi medan bagi hakim-hakim mahkamah yang lebih tinggi untuk menilai semula alasan penghakiman yang diputuskan oleh hakim di mahkamah yang lebih rendah; sama ada berlaku kekhilafan atau sebaliknya.

Titah baginda, sejarah membuktikan bahawa Rasulullah SAW mengiktiraf dan memberi ruang kebebasan kepada sahabatnya, Muaz bin Jabal yang ditutus sebagai wakil ke Yaman untuk berijtihad dengan kemampuan ilmunya dalam menjatuhkan

hukuman sekiranya sesuatu perkara itu tidak terdapat dalam al-Quran mahupun sunah dengan Baginda tidak mempengaruhi pemikiran Muaz dalam berijtihad atau campur tangan dalam penghakimannya.

Sultan Nazrin bertitah, almarhum ayahanda baginda, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada suatu ketika turut pernah bertitah dalam ucapan perasmian Persidangan Undang-undang Malaysia ke-14 yang menyatakan maksud bahawa kewujudan hakim serta mahkamah dalam sesuatu kelompok masyarakat tidak membuktikan apa-apa nilai melainkan jika kualiti, kebebasan dan kuasa entiti terbatit diambil kira.

"Sehubungan itu demi kepentingan keadilan, Beta selaku ketua agama Islam yang bertanggungjawab ke atas urusan hal ehwal agama Islam (negeri), mendukung sepenuhnya prinsip kebebasan kehakiman syariah di negeri ini," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah lagi, usaha menambah baik sistem kehakiman syariah dan memperkasakan Mahkamah Syariah termasuk melalui penerbitan al-Qanun iaitu Jurnal Syariah Perak hendaklah terus dirintis dengan harapan dapat dijadikan bahan rujukan oleh hakim serta pengamal undang-undang.

Titah baginda, menjadi tanggungjawab kerajaan baginda bagi membantu menyediakan keperluan latihan dan pembangunan kompetensi yang menitikberatkan aspek penguasaan ilmu dan pemantapan sahsiah termasuk mempertingkatkan kemudahan pembangunan latihan dan penyelidikan, selain prasarana yang selari perkembangan teknologi terkini.